

22/10/2003

`Kenyataan Howard angkuh'

SEREMBAN: Malaysia tidak rugi walaupun Australia perlu mengambil masa untuk memperbaiki hubungan dengan negara ini selepas persaraan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan ini.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata dasar kepemimpinan negara di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mungkin berubah mendadak setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

"Sebenarnya, dia (Perdana Menteri Australia John Howard) sukar untuk menafikan fakta bahawa dia adalah sherif bagi Amerika Syarikat di rantau ini dan kenyataan itu sebenarnya menunjukkan keangkuhannya.

"Sama ada dia hendak baik atau tidak, mahu memperbaiki hubungan atau sebaliknya, atau mahu mengekalkan hubungan sedia ada atau sebaliknya, saya yakin kita tidak berdepan sebarang masalah.," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negara (JKKN) di Bilik Gerakan, Bangunan SUK Lama, di sini, semalam.

Mohd Isa mengulas kenyataan Howard bahawa beliau tidak akan tergesa-gesa untuk memperbaiki hubungan dengan negara ini selepas persaraan Dr Mahathir.